

PAS nafi ada usaha singkir Mat Sabu
Malaysian Insider
Sept 15 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) menafikan wujud gerakan dalam parti itu untuk menyingkirkan timbalan presidennya, Mohamad Sabu, apabila ada cadangan yang mahukan jawatan tertinggi parti dipilih dari kalangan ulama.

Menurut Presiden PAS itu, tanggapan tersebut hanya sekadar pandangan dan tiada usaha sedemikian berlaku dalam PAS.

"Tidak ada gerakan seperti dimaksudkan. Perkara seperti ini bukan baru dalam parti, sebelum ini pun ada pertandingan antara ulama dan bukan ulama untuk jawatan tertinggi," katanya semasa menghadiri Multaqa Ulama Semalaysia, di Kompleks PAS Kedah.

Katanya, perwakilan PAS yang akan menentukan kedudukan jawatan presiden dan timbalan presiden meskipun Dewan Ulama PAS Pusat telah mengeluarkan resolusi agar jawatan tersebut diisi oleh golongan ulama.

"Dewan Ulamak adalah satu badan dalam PAS, namun keputusan kelak terserah kepada perwakilan dari seluruh negara.

"Saya serah pada ahli untuk buat pertimbangan. Saya sendiri tidak tahu sama ada dicalonkan atau tidak, jika ya, saya akan tunaikan amanah. Kita terikat pada perlembagaan dan jawatan ini terbuka untuk dipertandingkan," katanya.

Ditanya sama ada beliau menyokong saranan agar kedua-dua jawatan tertinggi tidak dipertandingkan, Abdul Hadi tetap menyerahkan kepada kebijaksanaan perwakilan.

Pada majlis itu juga, Abdul Hadi mengulas berkenaan cadangan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Datuk Harun Taib yang mahu tahaaluf siyaasi (muafakat politik) bersama PKR dan DAP dikaji semula, Abdul Hadi menyifatkan ia bukan perkara luar biasa.

"Ini adat dalam politik, kita mestilah kaji setiap perjalanan. Kita hanya mahu kaji untuk kuatkan lagi muafakat, kita akan terus bersama dalam PR dan tiada kemungkinan untuk keluar daripada pakatan itu.

"PAS akan tetap bersama PKR dan DAP membentuk pakatan yang dipersetujui bersama," katanya. - 15 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-nafi-ada-usaha-singkir-mat-sabu>